

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HKN 201 Puitika dan Konvensi Dalam Kesusasteraan Nusantara

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **TUJUH** [7] SOALAN DI DALAM **DUA** [2] HALAMAN.

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

1. Jelaskan teknik-teknik yang menolong seorang tukang cerita menyampaikan sebuah cerita tradisional yang panjang. Bincangkan sejauhmana penyampaian itu boleh disifatkan sebagai pengulangan atau sebagai penciptaan semula.
2. Dengan merujuk kepada kelemahan-kelemahan dalam kajian para sarjana kolonial tentang sastera Melayu tradisional seperti yang telah dihuraikan oleh Noriah Taslim, hujahkan mengapa setiap pengkaji sastera Melayu tradisional harus akrab dengan puitika sastera tersebut.
3. Dengan menyebut contoh-contoh dari tradisi kesusasteraan Melayu dan bukan Melayu jelaskan apakah puitika, dalam bentuk apakah ia boleh ditemui dan di manakah terletak sumber-sumbernya. Puitika Melayu boleh dicirikan sebagai puitika tersirat. Bincangkan.
4. Bincangkan secara umum ketiga-tiga sfera yang dibezakan oleh Braginsky dalam sastera Melayu tradisional. Pilih salah **satu** daripada sfera tersebut dan bincangkannya berdasarkan sebuah teks yang sesuai.
5. Menurut Muhammad Hj. Salleh sastera lisan harus dikaji dengan konsep teks yang lebih luwes (longgar) daripada yang lazim digunakan. Bincangkan unsur-unsur penyampaian yang harus juga diambilkira sebagai sebahagian daripada teks lisan.

....2/

6. Gambarkan ciri-ciri khas pencerita kertas (pencerita rekaan) yang digelar "dagang" oleh Koster. Dengan merujuk kepada contoh-contoh konkrit, buktikan bahawa pencerita itu terpaksa terumbang-ambing antara ingatan dan kelupaan.
7. Menurut para pakar sastera Melayu tradisional penulis lama sangat mementingkan keperluan audien yang mendengar atau membaca karyanya. Buktikan kebenaran tanggapan ini baik dalam kes sastera naskhah mahupun dalam kes sastera lisan.

--oo0000oo--